

Ingat Umno hingga akhir hayat

BAH - 24/10/2006

DARI MUKA 1

Satu-satunya tanda yang beliau masih bernafas hanyalah paparan skrin tekanan darah dan pernafasan.

Ketika itu, anggota keluarganya menceritakan satu insiden, yang pada saya, menunjukkan siapa Ghafar sebenarnya.

Sebelum jatuh koma minggu lalu, Ghafar mengalami tekanan yang membimbangkan keluarga dan kakitangan perubatan. Tiada siapa tahu apakah perkara yang sangat merungkingkan beliau sehingga pihak hospital menghantar dua psikiatri untuk bercakap dengannya.

Dengan perlahan, bertutur dalam keadaan yang amat sukar dan di sebalik tiub yang membantu pernafasannya, Ghafar memberitahu mereka, beliau khuatir mengenai Umno, rakyat dan masa depan negara yang menghadapi pelbagai cabaran.

Pada saat-saat akhir hayatnya pun, Ghafar masih lagi memikirkan nasib rakyat dan negaranya, bukannya keadaan beliau yang tenat itu.

Memang beliau sukakan golf. Beliau juga gemar bermain tenis dan meminati keroncong. Ketika zaman mudanya, Ghafar turut menggemari joget. Daripada semua itu, cinta beliau kepada negara, rakyat, bangsanya, Umno dan juga Barisan Nasional, melebihi segala-galanya.

Dalam era ramai yang berlumba-lumba mahukan gelaran Datuk, Tan Sri dan Tun, Ghafar tidak pernah berasa beliau berhak untuk diberi gelaran seperti itu serta banyak kali menolak tawaran daripada Sultan dan Raja. Beliau lebih selesa bergelar Encik atau lebih mesra dengan gelaran Pak Ghafar sehingga bersara pada 1993.

Kesetiaan Ghafar kepada, Umno dan negara, boleh dilihat melalui perjalanan kerjayapolitiknya. Di sebalik

naib presiden paling kanan dalam Umno apabila Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 1976, lalu diganti oleh Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, Ghafar tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Jawatan itu diberikan kepada Datuk Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad.


Kononnya, ketiadaan kelayakan pendidikan dikatakan menjadi kriteria utama untuk tidak melantik beliau. Ghafar, kalau mahu, boleh menjadikan itu isu dan menarik sokongan kepadanya seperti dilakukan oleh ramai pemimpin politik.

Sebaliknya, Allahyarham melepaskan jawatan dalam Kabinet, memberi sokongan padu kepada Hussein dan Dr Mahathir serta tetap menjadi penyokong setia parti. Malah, beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan bernada protes.

Pada 1985, apabila MCA berdepan dengan krisis kepemimpinan paling teruk dalam sejarahnya, Ghafar diminta menyelesaikannya dan beliau diterima oleh masyarakat Cina untuk sementara waktu meringankan urusan dan menyelesaikan sebarang masalah dalam parti itu.

Setahun selepas itu, apabila Datuk (kini Tan Sri) Musa Hitam meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, yang menyebabkan Umno dilanda krisis, Ghafar sekali lagi diminta meninggalkan urusan perniagaannya dan berkhidmat sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tanpa banyak cakap, beliau menerima amanah itu.

Apabila Umno diisytiharkan sebagai pertubuhan haram oleh Mahkamah Tinggi pada 1987 dan kebanyakan orang kuat parti itu keluar untuk menubuhkan kumpulan alternatif, Ghafar teguh berdiri di belakang Dr Mahathir, membina semula Umno daripada keadaan yang hampir berkecai. Beliau mengetuai kempen dalam



HADIAH TERAKHIR: Jemaah mengaminkan doa selepas sembahyang jenazah Tun Ghafar di Masjid Negara, semalam.

pelbagai pilihan raya kecil menentang bekas pemimpin Umno 'ketika itu, sekali gus memastikan survival Umno.

Pada 1990, apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) bertindak keluar daripada Barisan Nasional (BN) di mana Ghafar adalah setiausaha agungnya yang pertama dan paling lama, untuk menyokong pembangkang menjelang pilihan raya, Allahyarham diberikan kepercayaan untuk membina Umno di negeri itu.

Beliau berjaya meyakinkan rakan lamanya, Tun Datu Mustapha Harun untuk membubarkan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), yang menjadi asas penubuhan Umno di negeri itu. Hari ini, Umno adalah menjadi parti politik paling kuat di negeri itu dan membantu Sabah menikmati kestabilan politik yang tidak pernah berlaku sebelumnya.

Ketika kerajaan menghadapi masalah dengan Raja-Raja Melayu dalam krisis Perlembagaan terburuk pada 1992, Ghafar sekali lagi, dengan kemampuan dan pendekatan lembutnya walaupun ketika berdepan dengan lawan paling keras, memainkan peranan menyelesaikan masalah itu.

Banyak pihak yang mengaku memainkan peranan penting dalam semua peristiwa ini tetapi hakikatnya ialah Ghafar, sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika itu, diberi kepercayaan penuh oleh ketuanya, Dr Mahathir, untuk menyelesaikannya.

Tidak seperti pemimpin seangkatan ketika itu yang kadangkala agak kasar atau suka menunjuk-nunjuk, Ghafar kelihatan melakukannya dengan mudah. Beliau mendapat kepercayaan mereka yang berurusan dengannya dan beliau tidak mempunyai agenda tersendiri, hanya agenda bangsa.

Barangkali, perkara paling buruk dialami Allahyarham ialah pada 1993

apabila mereka yang beliau asuh dan didik berpaling tadah menentangnyanya untuk mendapatkan kuasa dalam kempen yang dianggap terburuk dalam sejarah pemilihan Umno.

Ia adalah pada tahun Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat keputusan untuk mencabar Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden Umno. Tidak ramai yang tahu ketika itu Ghafar dua kali menawarkan diri untuk melepaskan jawatannya bagi memberi laluan kepada Anwar untuk mengelakkan perpecahan dalam parti tetapi tawarannya ditolak.

Akhirnya, berlakulah kempen paling sengit yang menyaksikan Ghafar diserang dan dicemuh sama ada secara terbuka atau melalui media oleh mereka yang memihak kepada Anwar.

Begitupun, sepanjang masa sejak saya mengenalinya, Ghafar tidak pernah menunjukkan rasa dendam atau marah kepada mereka yang mengaibkannya itu. Beliau hanya sedih dan musykil apakah dosanya sehingga diperlakukan sedemikian rupa.

Allahyarham adalah seorang yang pemaaf, bukannya pendendam. Dalam kata lain, beliau ialah seorang Melayu budiman dengan cara lama, sifat yang semakin berkurangan sekarang.

Saya pernah menyaksikan beliau memaafkan musuh dan pengkritiknya' dengan mengawal kemarahan supaya tidak meluahkan kata-kata yang mungkin menyakitkan hati orang atau beliau sendiri dikesalinya nanti.

Pada 1995, apabila Ghafar semakin dilupai, kerajaan berhasrat memberi penghormatan kepadanya dan berusaha memujuknya supaya menerima anugerah tertinggi negara, Seri Setia Mahkota (SSM) daripada Yang di-Pertuan Agong, yang membawagelaran 'Tun'.

Beliau, yang masih tersinggung dengan peristiwa 1993, tidak menjawab

panggilan dan lawatan pegawai daripada Pejabat Dr Mahathir. Kemudian, Setiausaha Agung Umno, Datuk (kini Tan Sri) Mohamed Rahmat meminta saya membantu.

Saya dan anak Ghafar, Sofi, pergi menemui Allahyarham untuk memujuknya menemui Mohamed. Kami memberitahu beliau bahawa apa pun, Dr Mahathir adalah Presiden Umno dan Perdana Menteri dan Mohamed adalah wakilnya. Ketika itulah, Ghafar kembali, lembut - menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno ~ dan bersetuju menemui Mohamed.

Selepas itu, kami membawa Mohamed dan Setiausaha Eksekutif Umno ketika itu, Datuk Yaakob Mohamed, menemui Ghafar. Walaupun terkilan dengan apa yang dilakukan terhadapnya, Allahyarham tidak sekali-kali menunjukkan rasa marah. Cuma beliau, kelihatan sedikit, diam pada awal pertemuannya dengan Mohamed dan Yaakob.

Saya dimaklumkan oleh Sofi bahawa Ghafar bersetuju untuk berjumpa Dr Mahathir dan akhirnya menerima anugerah itu. Allahyarham menerimanya bukan kerana hendakkan gelaran, tetapi mahu mengurangkan rasa bersalah mereka yang menikamnya dari belakang pada 1993. Beliau mahu penerimaan anugerah itu menjadi penutup kepada apa yang berlaku.

Sepanjang 66 tahun menjadi sebahagian daripada perjuangan mencapai kemerdekaan dan 55 tahun menyertai Umno, Ghafar tidak sekali-kali menentang kerajaan atau partinya. Kesetiaan dan semangat patriotiknya kekal sehingga akhir hayat. Negara kehilangan seorang negarawan terulung. Al-Fatihah.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Kumpulan yang kini Timbalan Pengerusi NSTP

PETIKAN

“Allahyarham seorang pejuang bangsa yang tiada tolok banding dan perlu dijadikan teladan”

Tan Sri Aishah Ghani
Ketua Umno

“Orang muda perlu ingat perjuangannya, Allahyarham adalah ahli politik sepanjang masa”

Datuk Seri Rafidah Aziz
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

“Walaupun sudah tidak menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau terus menjadi Ahli Parlimen Jasin untuk memberi khidmat”

Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

“Kepemimpinan beliau disanjung tanpa mengira bangsa, agama atau fahaman politik”

Datuk Seri Dr Fong Chan Onn
Menteri Sumber Manusia

“Kewibawaannya sebagai seorang tokoh perpaduan tidak boleh disangkal”

Datuk Mustapa Mohamed
Menteri Pengajian Tinggi

“Allahyarham adalah pemimpin tulen yang menjadi pendamai dan penyelesaian masalah parti”

Datuk Azalina Othman
Menteri Belia dan Sukan

“Beliau sedia membantu jika parti hadapi masalah atau krisis. Kita kehilangan seorang wira”

Datuk Seri Syed Hamid Albar
Menteri Luar



SEMOGA DIMAKBULKAN: Ahli keluarga Allahyarham Tun Ghafar mengaminkan doa tahليل di Makam Pahlawan Masjid Negara, semalam.



PENGHORMATAN TERAKHIR: Kartika Sari dan Sally memberi penghormatan terakhir kepada bapa mereka semalam.

KRONOLOGI

Keadaan kesihatan Tun Ghafar Baba

- 1987 - Menjalani pembedahan jantung yang pertama di London
- 24 Oktober 1999 Dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) kerana serangan lelah ringan semasa menghadiri satu majlis Barisan Nasional di Stadium Nasional Bukit Jalil
- 28 Disember 1999-Dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur kerana serangan angin ahmar ringan selepas melawat keluarga isterinya

- di Bogor, Indonesia
- 26 Februari 2000 Dimasukkan ke Southern Hospital di Melaka selepas diserang lelah
- 28 Februari 2000 Dibenarkan pulang dan Southern Hospital dan dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM)
- 17 Julai 2002 - Dimasukkan ke Pusat Perubatan Kedah selepas mengadu sukar bernafas dan ke-

15 September 2005 Dimasukkan ke IJN untuk menjalani rawatan jantung kerana lelah dan kemudian dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya

12 Oktober 2005 Dimasukkan ke Unit Koronari, Pusat Perubatan Pantai (PMC), Bangsar akibat sakit jantung dan paru-paru
24 Januari 2006 Dimasukkan ke Pusat Perubatan Gleneagles Intan kerana serangan lelah.